

NO. SOALAN: 25

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi membantu kedudukan kewangan sekolah Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) di seluruh negara serta adakah terdapat apa-apa peruntukan khas yang disediakan bagi membantu sekolah KAFA yang tidak mendapat peruntukan kewangan dari pihak Kerajaan negeri.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk menambahbaik pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) memandangkan ia merupakan pendidikan asas Islam secara formal paling awal dalam fasa kehidupan kanak-kanak asas bagi pembentukan akhlak dan nilai murni murid-murid di peringkat rendah.

Sehubungan itu, Kerajaan telah melaksanakan berbagai usaha untuk mempertingkatkan kecemerlangan Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA). Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah semua guru-guru KAFA telah menikmati kenaikan elaun dari RM800 sebulan kepada RM900 sebulan berkuatkuasa pada tahun 2017. Kerajaan juga menyediakan peruntukan khas untuk tujuan latihan guru, pembelian alat bantu mengajar dan buku rujukan kepada semua guru KAFA sejak tahun 2009 hingga kini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN : 26

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) sama ada Kerajaan akan menetapkan satu harga siling atau harga maksimum, untuk tiket penerbangan domestik memandangkan rakyat Sarawak tiada pilihan lain selain daripada MASwings bagi pesawat seperti Sibu-Miri, Sibu-Kota Kinabalu, Sibu-Bintulu dan sebagainya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi dan membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Namun begitu, bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak, kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

- (b) Bagi mengurangkan beban rakyat di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan

daripada bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax – GST*).

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission – MAVCOM*) pada 1 Mac 2016 sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah berhubung perlindungan pengguna (*consumer protection*) di mana MAVCOM bertanggungjawab untuk mengendalikan aduan dan tuntutan pengguna mengenai penerbangan awam, menyediakan dan menguatkuasakan kod etika pengguna berdasarkan tahap perkhidmatan minimum (*minimum service level*) dan meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kod etika tersebut. Oleh yang demikian, pengguna boleh membuat aduan kepada pihak MAVCOM sekiranya menghadapi masalah kadar harga tiket penerbangan yang terlalu tinggi.

Kerajaan melalui MAVCOM juga sedang memuktamadkan kajian semula ke atas perkhidmatan RAS yang turut merangkumi kajian terhadap penetapan kadar tambang bagi perkhidmatan tersebut.

Selain daripada itu, pihak MASwings sendiri turut mengadakan promosi pengurangan harga tambang bagi laluan yang dioperasikan oleh pesawat ATR72-500 seperti *Mid Year Deals* yang boleh didapati daripada semua saluran penjualan tiket

kapal terbang MASwings termasuk melalui laman web dan agen untuk memudahkan penumpang.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAQ
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN : 27

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apa perancangan untuk mempercepatkan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar ke rumah-rumah panjang kawasan Ulu Sungai Engkari yang melibatkan 12 buah rumah panjang, 2 buah sekolah dan sebuah klinik kesihatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan projek di kawasan Ulu Sungai Engkari, Kementerian telah menyenaraikan permohonan tersebut untuk pelaksanaan di bawah Rolling Plan ke 2 tahun 2017-2018.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada laporan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB), penyambungan bekalan elektrik ke kampung-kampung baru menggunakan talian 11 kV sedia ada tidak dapat dilaksanakan memadamkan talian tersebut tidak dapat menampung bebanan baru. Jika diteruskan, ia akan menyebabkan berlakunya susutan bekalan "*voltage drop*".

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian sedang merancang untuk melaksanakan Pencawang Pembahagi Utama (PPU) 33kV Sengkunyit dalam tempoh RMK-11. Pembinaan PPU ini dijangka dapat mengatasi masalah bekalan elektrik di kawasan Ulu Sungai Engkari.